

e-Buletin JSKM

EDISI
APRIL
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



Menyemai Harapan,

MENYANTUNI PEJUANG KECIL

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS
APRESIASI JSKM
2026

Laporan

RAFAH YANG
DIRATAH TIDAK
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI
PASIR DAN
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

1/3 BUKAN SEKADAR NOMBOR



Matematik, Masa dan Jemputan Ilahi

Oleh: Siti Asmah Mohamed

Dalam matematik, nilai lazimnya diukur melalui saiz dan kuantiti. Bahagian yang lebih besar sering dianggap lebih bernilai berbanding bahagian yang kecil. Prinsip ini diterima secara meluas dan menjadi asas kepada pemikiran matematik. Namun dalam kehidupan beriman, terdapat satu pecahan kecil yang Allah muliakan secara istimewa, iaitu sepertiga malam terakhir.

Dalam Islam, takrifan “malam” berbeza daripada kefahaman umum.

Malam tidak bermula pada tengah malam, sebaliknya bermula pada waktu Maghrib dan berakhir pada waktu Subuh.

Apabila tempoh antara Maghrib dan Subuh ini dikira dan dibahagikan kepada tiga bahagian yang sama, sepertiga malam terakhir dapat dikenal pasti dengan jelas. Dari sudut matematik, ini hanyalah satu pembahagian masa yang mudah.

Namun dari sudut rohani, inilah waktu yang sangat bernilai dan sering diingatkan dalam



al-Quran dan hadis. Sebagai contoh, jika waktu Maghrib bermula pada jam 7.30 malam dan Subuh pada jam 6.10 pagi, jumlah keseluruhan malam ialah 10 jam 40 minit. Apabila tempoh ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang sama, setiap bahagian bersamaan kira-kira 3 jam 33 minit, dan sepertiga malam terakhir bermula sekitar jam 2.37 pagi. Kiraan ini mungkin kelihatan ringkas, namun maknanya sangat besar.

Rasulullah SAW, melalui riwayat Abu Hurairah RA, menerangkan bahawa Allah SWT turun ke langit dunia pada sepertiga malam terakhir dan menyeru hamba-hamba-Nya dengan firman: *“Siapakah yang berdoa kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan? Siapakah yang meminta kepada-Ku, nescaya Aku berikan? Siapakah yang memohon keampunan daripada-Ku, nescaya Aku ampunkan?”*

(Hadis riwayat al-Bukhari, no. 1145). Hadis ini menjelaskan mengapa sepertiga malam terakhir dianggap sebagai waktu yang ditetapkan secara ilahi untuk berdoa, memohon dan bertaubat.

Al-Quran turut mengukuhkan kepentingan ibadah malam yang dilakukan secara sedar dan terancang. Dalam Surah al-Muzammil ayat 1 hingga 4, Allah menyeru orang beriman supaya bangun pada waktu malam sama ada separuh daripadanya, sedikit kurang atau sedikit lebih dan membaca

al-Quran dengan bacaan yang tertib (tartil). Seruan ini mencerminkan pengurusan masa yang tersusun, selari dengan prinsip matematik yang menekankan keseimbangan, perkadaran dan disiplin. Malam tidak dimaksudkan untuk dihabiskan sepenuhnya dengan berjaga, sebaliknya dibahagikan secara sedar, menunjukkan bahawa walaupun sebahagian kecil masa, jika dipilih dengan niat yang betul, mampu memberi kesan yang besar.

Begitu juga dalam **Surah az-Zariyat ayat 18**, Allah menggambarkan orang yang bertakwa sebagai mereka yang sedikit tidur pada waktu malam dan memohon keampunan di penghujungnya. Ayat ini meletakkan saat-saat akhir malam sebagai amalan utama orang yang benar-benar sedar secara rohani. Ia menegaskan bahawa nilai waktu ini bukan terletak pada panjang tempohnya, tetapi pada keikhlasan dan kesedaran ketika menghidupkannya sekali gus menguatkan idea bahawa nilai rohani diukur berdasarkan kualiti, bukan kuantiti.

Matematik Ilahi

Kuasa Sepertiga Malam Terakhir

Apabila matematik bertemu ibadah, nilai bukan sekadar angka.

Mengira "Malam"

Dalam Islam, malam bermula disaat Maghrib dan berakhir di saat Subuh.

7:30 PM Maghrib

6:10 AM Subuh

Jumlah Keseluruhan Malam: 10 Jam 40 Minit

$10 \text{ Jam } 40 \text{ Min} \div 3 = \text{Jam } 33 \text{ Min}$

— Per Segment —

Sepertiga Malam (Bahagian Terakhir) Jam 2:37

Kuasa Sepertiga Malam Terakhir

- Jemputan ilahi Terbuka**
Waktu mustajab untuk doa dari taubat, saat paling hampir antara hamba dan Pencipta.

Menghidupkan Malam

Al-Quran mengingatkan kepentingan bangun malam, membaca al-Quran dan memohon keampunan di penghujung malam.

"Siapakah yang berdoa kepada-Ku, nescaya Aku perkenatkan..."
(hadis Riwayat. al-Buhhari)

Bahagian Terakhir

- Bermula sekitar 2:37 Pagi Onwards**

Nilai tidak diukur pada panjang waktu, tetapi pada kehadiran hati dan keikhlasan niat. Pernahkah kita menyahut jemputan di saat sepertiga ini?

Paradoks Sepertiga

Walaupun hanya bahagian kecil dari malam, nilainya sangat besar.

- Kecil pada kuantiti, besar pada kualiti.

NotebookLM

Di sinilah terserlah apa yang boleh disebut sebagai Paradoks Sepertiga.

Dalam matematik biasa, satu pertiga ialah pecahan kecil, lebih kecil daripada dua pertiga dan jarang dianggap dominan. Namun dalam "matematik kerohanian", sepertiga malam terakhir memegang nilai yang paling besar.

Walaupun tempohnya singkat, maknanya sangat luas iaitu kecil dari segi kuantiti, tetapi besar dari segi kualiti. Paradoks ini mencabar tanggapan lazim bahawa nilai sentiasa bergantung kepada saiz.

Tidak semua orang mampu bangun lama di waktu malam. Namun setiap insan mampu bangun walau seketika untuk berdoa, memohon keampunan dan meluahkan isi hati kepada Allah. Sepertiga malam terakhir mengingatkan kita bahawa dalam hidup ini, yang kecil sering membawa perubahan yang paling besar, jika ia dilakukan dengan niat yang **ikhlas**.



اَبُوَ سَيِّدِي نَبِيْكَوَلَوْ كُنِيَ مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 772637007004